

24 JUL 2004
MMU-Kursus
UNIVERSITI MULTIMEDIA TAWAR 94 KURSUS IJAZAH

MELAKA, 24 Julai (Bernama) -- Universiti Multimedia (MMU) yang ditubuhkan lapan tahun lepas kini menawarkan sebanyak 94 kursus ijazah peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah dalam pelbagai bidang Teknologi, Komunikasi dan Maklumat (ICT) dan Multimedia.

Canselornya Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berkata terdapat kursus terbaru yang masih menunggu kelulusan daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) iaitu Sarjana Kejuteraan Dalam Pengetahuan Berasaskan Pengilangan, Sarjana Kejuteraan Dalam Sistem Terbenam, Sarjana IT Dalam Komputer Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda IT (Kepujian) dalam Sains Keselamatan.

"Sejajar dengan misi untuk menjadi pusat pendidikan terunggul di rantau ini, MMU juga telah mengembangkan sayapnya ke lapan negara iaitu Ghana, Afrika Selatan, China, Singapura, Indonesia, Oman, Iran dan India," katanya ketika berucap pada majlis konvokesyen kelima MMU di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini hari ini.

Seramai 2,585 graduan menerima ijazah masing-masing pada konvokesyen dua hari itu.

Esok, MMU akan menganugerahkan ijazah Kehormat Doktor Sains Keilmuan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad atas sumbangan beliau kepada pembangunan ICT dan era keilmuan.

Dr Siti Hasmah berkata kini kursus Sarjana Pentadbiran Perniagaan sedang dijalankan di Universiti Maklumat China, Beijing dan rancangan untuk membawanya ke negara-negara lain sedang diusahakan.

MMU turut memberi perhatian kepada hasrat kerajaan untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa menjelang 2010 dengan menubuhkan Unit Pengambilan Pelajar Antarabangsa, katanya.

Beliau juga berkata sebagai sebuah universiti yang mahukan graduannya menjadi pemimpin dalam masyarakat, mereka perlu sentiasa memperlihatkan daya kepimpinan dan semangat juang dalam segala urusan hidup.

"Untuk menjadi pemimpin yang berjaya, anda semua harus mempunyai sifat keberanian, kematangan dan kebernasan dalam berfikir," katanya.

Beliau turut menasihati graduan supaya tidak terlibat dengan gejala rasuah, pecah amanah, penipuan, maksiat dan perbuatan tidak bermoral.

-- BERNAMA

BD MAZ MOZ